

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

4 TAPAK BINA DI SARAWAK DAN 1 TAPAK BINA DI SABAH DIARAH TUTUP

12 Julai 2021

PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: SARAWAK

Daerah Kuching dan Betong

Operasi Pemeriksaan Tapak Bina oleh CIDB Sarawak telah dilakukan di sekitar daerah Kuching dan Betong.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 11 tapak:

- 7 tapak bina tidak beroperasi
- 2 tapak bina beroperasi dan patuh SOP yang ditetapkan
- **2 tapak bina** telah diarahkan untuk **menghentikan operasi** serta merta kerana tidak mematuhi SOP

Kesalahan yang didapati:

- Tidak patuh SOP Akta 342

Tindakan CIDB Sarawak:

- Notis N3E/2021: Pemberhentian Kerja Pembinaan (pelanggaran kewajipan oleh kontraktor)

Daerah Sibul

Operasi Khas Pemeriksaan Tapak Bina melibatkan CIDB Cawangan Sibul serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah dilakukan di sekitar daerah Sibul.

2 tapak bina telah diarahkan **menghentikan operasi** serta merta oleh Penguatkuasa CIDB Cawangan Sibul setelah gagal mematuhi SOP PPN yang ditetapkan oleh KKM.

Di tapak yang pertama, kesalahan yang didapati:

- Gagal mempamerkan MySejahtera
- Gagal mengemukakan senarai nama kehadiran serta semakan suhu pekerja

Di tapak yang kedua, kesalahan yang didapati:

- Jumlah pekerja di tapak bina melebihi 60% seperti yang dibenarkan dalam SOP PPN

Tindakan CIDB Cawangan Sibul:

- Notis N3E/2021: Pemberhentian Kerja Pembinaan (pelanggaran kewajipan oleh kontraktor)

PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: SABAH

Operasi Pemeriksaan Tapak Bina oleh CIDB Cawangan Sandakan telah dilakukan di Daerah Sandakan.

Satu tapak bina telah diarahkan untuk **menghentikan operasi** serta merta oleh Penguatkuasa CIDB Cawangan Sandakan setelah gagal menunjukkan kelulusan kebenaran beroperasi tapak MITI dan laporan kesihatan/keputusan pemeriksaan COVID-19 pekerja yang berada di tapak bina serta gagal mematuhi SOP yang ditetapkan oleh KKM.

Kesalahan lain yang didapati:

- Kerja yang dilakukan tiada kelulusan MITI
- Tiada keputusan saringan COVID-19 pekerja
- Gagal mempamerkan Permit Sementara Bangunan (rumah kongsi/penempatan pekerja/asrama/CLQ) daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di tapak bina

Tindakan CIDB Cawangan Sandakan:

- Notis N3E/2021: Pemberhentian Kerja Pembinaan (pelanggaran kewajipan oleh kontraktor)

PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: TERENGGANU

Operasi Pemeriksaan Tapak Bina oleh CIDB Negeri Terengganu telah dilakukan di Kuala Nerus.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 8 tapak :

- 5 tapak bina tidak beroperasi
- 3 tapak bina beroperasi dan patuh SOP yang ditetapkan

Ketiga-tiga tapak bina yang beroperasi didapati mematuhi SOP yang ditetapkan.

Tindakan CIDB Terengganu:

- 3 Notis N2/2015: Mengemukakan Maklumat Mengenai Industri Pembinaan (kontraktor)

LATAR BELAKANG

Sebanyak 209 tapak pembinaan diarah tutup sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara sejak 1 Jun lalu, berikutan kegagalan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19.

Sebanyak 4,855 tapak pembinaan telah diperiksa oleh CIDB. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 946 (19%) tapak pembinaan didapati beroperasi, manakala sebanyak 3,909 (81%) tidak beroperasi.

Daripada 946 tapak yang beroperasi, didapati 209 tapak pembinaan (22%) tidak mematuhi SOP, manakala 737 (78%) tapak lagi mematuhi SOP. Kesemua 209 tapak pembinaan tidak mematuhi SOP berkenaan telah diarah tutup serta merta. Bagaimanapun, 50 daripada tapak pembinaan yang diarah tutup telah pun dibenarkan dibuka semula, selepas mereka mematuhi SOP yang ditetapkan.

Daripada 209 tapak pembinaan yang ditutup, sebanyak 59 terletak di Sarawak. Negeri-negeri lain pula adalah seperti berikut: Selangor (45), Kuala Lumpur (17), Melaka (16), Johor (14), Sabah (13), Pulau Pinang (11), Negeri Sembilan (8), Pahang (8), Terengganu (6), Perak (4), Kedah (3), Perlis (3) dan Kelantan (2).

Manakala 50 yang dibuka semula selepas didapati mematuhi SOP terletak di negeri Sarawak (15), Selangor (9), Melaka (9), Terengganu (4), Perak (4), Kuala Lumpur (3), Johor (2), Kelantan (1), Sabah (1), Pulau Pinang (1) dan Kedah (1).

PERINGATAN

Penggiat industri pembinaan perlu mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP) PPN** terkini yang boleh dimuat turun dari www.cidb.gov.my. CIDB boleh menutup tapak pembinaan yang didapati tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Mana-mana kontraktor yang melanggar peruntukan Akta 520 dan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain termasuk Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) dan Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990), boleh dibawa ke prosiding tindakan tatatertib kontraktor. Antara tindakan yang boleh dikenakan adalah penalti tidak melebihi RM500,000.00 dan/atau penggantungan dan/atau pembatalan Perakuan Pendaftaran Kontraktor.

####







